

07 DEC 1998

Mahkamah-Anwar (Berkuasa)

AZIZAN BUAT LAPORAN SETELAH ANWAR TIDAK LAGI BERKUASA

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Azizan Abu Bakar berkata beliau mengambil masa lebih sebulan untuk membuat laporan polis terhadap surat akuan berkanunnya yang menafikan dirinya diliwat Datuk Seri Anwar Ibrahim, kerana ketika itu bekas timbalan perdana menteri itu tidak lagi berkuasa.

Azizan, bekas pemandu isteri Anwar, Datin Seri Wan Azizah Ismail, berkata surat akuan itu menafikan bahawa dirinya diliwat Anwar, seperti yang didakwa dalam buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM".

Beliau berkata laporan polis berkaitan surat akuan berkanun yang dibuatnya di hadapan seorang pesuruhjaya sumpah untuk menafikan kejadian itu pada 10 Ogos 1998, dibuat pada 16 Sept 1998.

"Saya mengambil masa selama 36 hari untuk membuat laporan polis itu setelah saya bertemu YAB Perdana Menteri bahawa beliau akan menjalankan siasatan dengan lebih lanjut lagi," katanya pada perbincangan Anwar di Mahkamah Tinggi di sini.

Anwar, 51, yang juga bekas menteri kewangan, menghadapi empat tuduhan rasuah menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam penyiasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Dia didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Perbincangan itu, yang dijalankan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk S. Augustine Paul, kini masuk hari ke-21.

Azizan saksi ke-12 pendakwaan, kini bekerja sebagai eksekutif pemasaran dan pentadbiran sebuah syarikat di Alor Gajah, Melaka, masih di peringkat soal balas para peguam Anwar pada hari keempat beliau dipanggil memberi keterangan.

Sebelum ini mahkamah diberitahu bahawa Azizan, 38, menandatangani pengakuan bersumpah yang mengaku dirinya menjadi hamba homoseksual Anwar dan perbuatan terkutuk itu dilakukan untuk beberapa kali sekitar tahun 1992.

Pengakuan bersumpahnya disertakan bersama surat Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri yang ditulis oleh Ummi Hafilda Ali, bertarikh 5 Ogos 1997 yang dialamatkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ummi Hafilda Ali merupakan adik kepada Mohd Azmin Ali, bekas setiausaha peribadi Anwar.

Semasa menjawab soalan peguam Gurbachan Singh, Azizan berkata beliau tidak ada alasan lain mengambil 36 hari membuat laporan polis itu selain kerana Anwar tidak lagi berkuasa dan dijanjikan oleh Perdana Menteri untuk menjalankan siasatan.

Azizan berkata beliau menandatangani surat akuan berkanun itu setelah ditakutkan oleh "orang-orang suruhan Datuk Seri Anwar" seperti Ma'amin Latip dan Rahim King atau nama sebenarnya Abdul Rahim Dhalan (ketua ekspidisi terjun bebas ke Kutub Utara) serta peguam Sukdev Singh.

Katanya Sukdev telah beberapa kali menakutkannya dengan menelefon sebelum memintanya datang ke pejabat peguam itu untuk menandatangani surat akuan berkanun itu.

Azizan berkata tiada siapa yang menasihatkannya untuk membuat laporan polis berhubung surat akuan berkanun yang ditandatangani itu.

Sebelum itu, Azizan berkata tiada siapa termasuk polis dan peguam yang menasihatkan beliau supaya membuat laporan polis atau sebarang aduan

terhadap dua pegawai polis iaitu DSP Abdul Aziz Hussin dan ACP Mazlan Mohd Din.

Mahkamah telah mendengar bahawa kedua-dua pegawai polis itu telah menyoal siasat Azizan tanpa henti bagi mendapatkan surat penarikan balik terhadap dakwaannya terhadap Anwar termasuk dengan kekerasan.

Azizan juga berkata bahawa peguam Karpal Singh, yang ditemuinya bersama-sama Ummi Hafilda sebelum mereka ditangkap polis, tidak menasihatkannya membuat laporan polis berhubung kes itu walaupun setelah membaca surat perihal salah laku Anwar dan pengakuan bersumpah Azizan mengenainya.

-- BERNAMA

NHD NAK